

KL banjir kilat

300 rumah di Segambut terjejas



Air naik ke paras satu hingga tiga meter di Kampung Masjid, Segambut Dalam.

HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR - Kira-kira 300 kediaman di kawasan Segambut Dalam dan Segambut Gate terjejas berikutan banjir kilat yang berlaku disebabkan hujan lebat di ibu negara, petang semalam.

Air mula naik kira-kira jam 4.30 petang itu hanya surut sejam kemudian.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Sri Hartamas, Rodzlan Othman berkata, kawasan terjejas di Segambut Dalam melibatkan Kampung Masjid di mana terdapat kira-kira 100 buah rumah, apabila air naik pada paras semeter hingga tiga meter di beberapa kawasan.

Menurutnya, sebuah jentera bomba bersama 12 anggota terlibat dalam operasi menyelamatkan bagi kejadian banjir itu.

"Ketika kejadian, pihak bomba membantu memindahkan sebuah keluarga yang mana salah seorang anggota keluarga tersebut merupakan pesakit terlantar berumur dalam lingkungan 60-an, tinggal bersama seorang isteri dan dua orang anak.

"Bagaimanapun mereka dipindahkan semula selepas banjir kembali surut," katanya kepada *Sinar Harian*.

Dalam kejadian di Segambut Gate, katanya, sebanyak 200 buah rumah terjejas termasuk kira-kira 50



Pemandu memperlahankan kenderaan ketika melalui Jalan Kuching yang dinaiki air.



Anggota bomba membantu salah sebuah keluarga yang terjejas akibat banjir kilat.

kenderaan terperangkap dalam banjir, sebelum sempat dialihkan.

"Bagaimanapun jumlah kerugian belum dapat dikenal pasti," katanya.

Sementara itu, dalam kejadian berasingan, sebuah kereta yang dipercayai rosak, terperangkap dalam banjir yang berlaku di Jalan

Kuching menuju ke Bulatan Jalan Duta.

Bagaimanapun ia ditunda ke kawasan lebih selamat dan air yang mula naik bermula jam 4.30 petang itu surut pada jam 5.10 petang.

Hanya satu laluan dibuka kepada laluan kenderaan membuatkan kesesakan jalan bertambah teruk.